(d) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “Subsections (3), (4) and (5)” dengan perkataan “Subsections (3) and (4)”.

### **Pindaan seksyen 433E**

**78.** Subseksyen 433E(1) Kanun dipinda dalam proviso dengan memotong perenggan (a).

### **Pindaan seksyen 433H**

**79.** Seksyen 433H Kanun dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “**Part**” perkataan “, *etc.*”;
- (b) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula itu subseksyen yang berikut:

“(2) Without prejudice to subsection (1), no corporation considered to be foreign incorporated or registered under any written law shall be capable of holding land except in accordance with this Part.”.

### **Pindaan seksyen 434**

**80.** Subseksyen 434(2) Kanun dipinda dengan menggantikan perkataan “Arbitration Act 1952 [Act 93]” dengan perkataan “Arbitration Act 2005 [Act 646]”.

## Pindaan seksyen 436A

### 81. Seksyen 436A Kanun dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “natural individual” dengan perkataan “natural person”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “natural individual” dengan perkataan “natural person”.

## Kecualian dan peralihan

82. (1) Semua permohonan atau perkara lain yang masih menunggu kelulusan atau pendaftaran atau selainnya di bawah seksyen 204B, 323, 324 dan 326, sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, selepas permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan atau diselesaikan seolah-olah Kanun Tanah Negara tidak dipinda oleh Akta ini.

(2) Mana-mana perintah atau prosiding yang masih belum selesai atau dimulakan di bawah seksyen 214A, 400, 400A, 403, 422, 423, 424, 425, 425A, 426, 427, 428, 428A dan 429B, sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah diteruskan dan diselesaikan seolah-olah Kanun Tanah Negara tidak dipinda oleh Akta ini.

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Kanun Tanah Negara (“Kanun”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Kanun untuk memasukkan takrif baharu “*subdivided building*” ke dalam Kanun dan untuk menggantikan undang-undang yang dirujuk dalam takrif “*territorial waters*” untuk menyatakan undang-undang yang berkuat kuasa pada masa ini berkenaan perkara itu iaitu Akta Laut Wilayah 2012.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 5D Kanun untuk membolehkan pengeluaran pajakan tanah rizab dibuat mengikut Sistem Pentadbiran Tanah Elektronik di bawah Jadual Keenam Belas kepada Kanun. Pindaan yang berbangkit kepada Jadual Keenam Belas Kanun akan dibuat oleh Menteri dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, mengikut seksyen 5D Kanun.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Kanun untuk membolehkan Pihak Berkuasa Negeri membuat peruntukan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Negeri yang berhubungan dengan pemulangan dan pelucuthakan apa-apa deposit yang telah dibayar sebagai jaminan bagi pengeluaran lesen dan permit masing-masing di bawah seksyen 68A atau 74 Kanun. Pindaan ini juga bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan kutipan cukai melalui mana-mana ejen yang dilantik tanpa perlu diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Negeri selaras dengan pindaan kepada seksyen 95 Kanun. Peruntukan ini dahulunya telah dimasukkan dalam seksyen 14 melalui Akta A1333.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 15 Kanun untuk membolehkan Pengarah Tanah dan Galian, Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah mengeluarkan notis melalui Borang 2B untuk menghendaki dokumen hakmilik dikemukakan bukan sahaja bagi tujuan pemeriksaan atau penyeragaman syarat nyata, tetapi juga bagi apa-apa tujuan lain. Pindaan yang berbangkit kepada Borang 2B dalam Jadual Pertama Kanun akan dibuat oleh Menteri atas syor Majlis Tanah Negara, mengikut seksyen 9 Kanun.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 16 Kanun untuk menjelaskan apa-apa tindakan, guaman ataupun prosiding-prosiding lain yang berhubungan dengan tanah hendaklah diambil terhadap Pengarah Tanah dan Galian atas nama jawatannya, tanpa menamakan mana-mana pegawai tertentu secara khusus. Pindaan yang dicadangkan ini perlu berbangkit daripada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Kerajaan Malaysia dan Lain-Lain lwn. Lay Kee Tee dan Lain-Lain [2009] 1 MLJ 1.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 42 Kanun untuk membuat rujukan umum kepada undang-undang yang berhubungan dengan perlombongan yang berkuat kuasa pada masa ini. Walaupun kebanyakan negeri telah menguatkuasakan Enakmen Mineral, Enakmen Lombong masih lagi digunakan di negeri-negeri tertentu.
9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 43 Kanun untuk mengemas kini rujukan yang dibuat kepada undang-undang yang berkuat kuasa pada masa ini yang berhubungan dengan perkara diplomatik dan konsular serta pertubuhan antarabangsa.
10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 46A Kanun untuk memperuntukkan bahawa dalam hal keadaan tuan punya mana-mana petak bagi bangunan yang dipecah bahagi meninggal dunia tanpa waris seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 351 Kanun atau undang-undang lain yang berkaitan, mana-mana petak dalam bangunan yang dipecah bahagi itu hendaklah dikembalikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan terletak hak kepada pihak berkuasa berkanun.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 66 Kanun untuk memperuntukkan bahawa pegawai yang perlu dirujuk oleh Pentadbir Tanah dalam memproses permohonan Lesen Pendudukan Sementara atas tanah lombong ialah Pengarah Galian yang dilantik di bawah undang-undang bertulis berhubung dengan pembangunan mineral. Jawatan Merinyu Kanan Galian tidak lagi dirujuk dalam undang-undang masa ini.

Pindaan ini juga bertujuan untuk menambah baik peruntukan dalam pemakaiannya kepada proviso subseksyen 13(1) Kanun yang tidak membenarkan Pentadbir Tanah meluluskan lesen dalam kawasan serta dalam lingkungan lima puluh meter dari mana-mana tebing sungai, tasik dan mata air yang diwartakan.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 68A Kanun untuk mengadakan peruntukan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh mengutip deposit sebagai jaminan bagi tujuan pelaksanaan dan pematuhan syarat-syarat bagi Lesen Pendudukan Sementara dengan sempurna.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 71 Kanun untuk memperuntukkan bahawa pegawai yang perlu dirujuk oleh Pentadbir Tanah dalam memproses permohonan permit untuk mengeluarkan, memindah dan mengangkut bahan batuan atas tanah lombong ialah Pengarah Galian yang dilantik di bawah undang-undang bertulis yang berhubung dengan pembangunan mineral. Jawatan Merinyu Kanan Galian tidak lagi dirujuk dalam undang-undang masa ini.

Pindaan yang dicadangkan ini juga dibuat bertujuan untuk menyelaraskan peruntukan ini dengan proviso kepada subseksyen 13(1) Kanun yang tidak membenarkan Pentadbir Tanah untuk meluluskan permit dalam kawasan serta dalam lingkungan lima puluh meter dari tebing sungai, tasik dan mata air yang diwartakan.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 75C Kanun untuk memperuntukkan bahawa apabila permohonan di bawah seksyen 75B Kanun diluluskan, selain Pentadbir Tanah, mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri boleh mengeluarkan bagi pihak Pihak Berkuasa Negeri, permit dalam Borang 4D.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda subseksyen 80(3A) Kanun yang telah dimasukkan ke dalam Kanun melalui Akta A1333 untuk memperuntukkan bahawa Pendaftar, setelah kelulusan pemberimilikan mana-mana tanah, boleh mendaftar hakmilik tetap tanpa mengeluarkan hakmilik sementara sekiranya adil dan suai manfaat untuk berbuat demikian.

16. *Fasal 15* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 90A ke dalam Kanun untuk memperuntukkan tatacara dan proses bagi permohonan pelanjutan tanah bermilik bertempoh, pada bila-bila masa, sebelum berakhirnya tempoh tersebut. Namun, kelulusan ini tertakluk kepada budi bicara Pihak Berkuasa Negeri. Sekiranya diluluskan, endorsan pelanjutan pegangan hakmilik itu hanya dibuat selepas pembayaran dijelaskan. Dalam hal ini, melainkan jika pembayaran dijelaskan, dalam keadaan tanah itu tertakluk kepada pengambilan tanah, subperenggan 1(1D) Jadual Pertama Akta Pengambilan Tanah 1960 masih terpakai.

17. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 92C Kanun untuk memperuntukkan bahawa Pendaftar untuk mengeluarkan hakmilik sementara bagi pemberimilikan tanah bawah tanah sebelum mengeluarkan hakmilik tetap (dalam bentuk hakmilik Pendaftar) sekiranya adil dan suai manfaat untuk berbuat demikian dan Menteri boleh dengan perintah, membuat ubah suaian kepada borang hakmilik sementara yang bersamaan dengan hakmilik pejabat Pendaftar.

18. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda seksyen 92D Kanun untuk memperuntukkan bahawa had kedalaman tanah permukaan tuan punya sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri boleh diendorskan sebagai syarat nyata ke atas hakmilik tersebut. Pindaan yang dicadangkan ini juga menjelaskan bahawa endorsan yang berhubungan dengan kedalaman dalam hakmilik dalam hal hakmilik tetap boleh turut merujuk kepada pelan yang dikeluarkan Pengarah Ukur dan Pemetaan.

19. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 95 Kanun bagi memperluas tempat dan mekanisme pembayaran cukai.

20. *Fasal 19* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 96A ke dalam Kanun untuk memperuntukkan berkenaan pengenaan cukai bagi hakmilik yang melibatkan bangunan yang dipecah bahagi di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 apabila Bahagian IVA Akta tersebut berkuat kuasa, dalam keadaan yang cukai ke atas tanah tidak lagi dikutip, penguatkuasaan ke atas kegagalan membayar cukai hendaklah dibuat berdasarkan peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985. Apabila berlaku penamatan bangunan yang dipecah bahagi, cukai berkenaan akan kena dibayar bermula tahun kalendar yang berikutnya mengikut kadar semasa pada waktu itu kelak hasil daripada semakan cukai yang dijalankan dari semasa ke semasa di bawah seksyen 101 Kanun.

21. *Fasal 20* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 101(7) dan (8) ke dalam Kanun untuk memperuntukkan bahawa semakan cukai berkenaan tanah bagi hakmilik bangunan yang dipecah bahagi masih perlu dibuat mengikut peruntukan dalam Kanun walaupun Bahagian IVA Akta Hakmilik Strata 1985 telah berkuat kuasa.

Subseksyen baharu yang dicadangkan juga menjelaskan bahawa kadar baharu berdasarkan semakan tersebut hendaklah diendorskan dalam hakmilik. Namun, cukai tanah itu tidak kena dibayar sehingga berlaku penamatan kepada bangunan yang dipecah bahagi tersebut. Hanya pada ketika itu, cukai tanah kena dibayar sebagaimana dijelaskan dalam seksyen baharu 96A yang dicadangkan.

22. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 122 Kanun untuk menjelaskan bahawa lebih daripada satu kegunaan tanah bagi mana-mana bangunan boleh dikenakan dalam syarat oleh Pihak Berkuasa Negeri. Penjelasan ini perlu kerana lebih daripada satu kegunaan tanah boleh dinyatakan berkenaan dengan pemberimilikan tanah bawah tanah menurut subseksyen 92B(1) Kanun.

23. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda seksyen 124 Kanun bagi maksud yang berikut:

- (a) untuk meminda proviso kepada subseksyen (1) untuk menyekat permohonan tukar syarat dipohon ke atas hakmilik yang telah ditentukan kedalamannya, memandangkan tanah di bawahnya merupakan tanah Kerajaan;
- (b) untuk memastikan endorsan dibuat apabila permohonan diterima mengikut subseksyen baharu (1B) yang dicadangkan; dan
- (c) untuk memastikan bayaran telah dijelaskan sebelum syarat baharu diendorskan dalam hakmilik, sebagaimana yang dipinda di bawah subseksyen (7).

24. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 160B Kanun untuk memperuntukkan bagi tindakan yang perlu diambil oleh Pentadbir Tanah apabila daerah baharu diwujudkan, bagi perkara yang melibatkan hakmilik bangunan berbilang tingkat. Nota yang berhubungan dengan pewujudan daerah baharu perlulah dibuat ke atas daftar subsidiari (yang di bawah seksyen 5 Kanun turut merangkumi daftar strata sepertimana dijelaskan dalam Akta Hakmilik Strata 1985) oleh Pentadbir Tanah yang menyelenggara dokumen ini dalam daerah asal. Daftar strata di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 yang merujuk kepada peruntukan seksyen 15 (sebagaimana yang dipinda melalui Akta A1450 yang mengandungi Borang 2, Borang 3 dan hakmilik dalam Borang 4 dan Borang 4A Jadual Pertama kepada Akta tersebut). Kesemua dokumen ini hendaklah terus disimpan di daerah asal.

Pindaan yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk menjelaskan bahawa daftar strata yang telah diendorskan ini tidak boleh dipindahkan daripada Pejabat Tanah terdahulu.

25. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 160c Kanun bagi menjelaskan pengeluaran hakmilik sambungan melibatkan bangunan berbilang tingkat apabila daerah baharu diwujudkan. Pentadbir Tanah daerah baharu perlu mengeluarkan hakmilik sambungan bagi kesemua petak yang dipegang di bawah hakmilik subsidiari (termasuk hakmilik strata) yang terkandung dalam hakmilik yang terlibat dengan tindakan tersebut. Pentadbir Tanah juga dikehendaki untuk mewujudkan semula Borang 2 dan Borang 3 Jadual Pertama Akta Hakmilik Strata 1985 mengikut butiran hakmilik yang disambung itu.

26. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda seksyen 166 Kanun untuk membolehkan pengeluaran hakmilik sambungan atas sebab pengambilan sebahagian tanah yang melibatkan secara keseluruhan atau sebahagian tanah bawah tanah dan subseksyen 92B(2) Kanun terpakai bagi pengeluaran hakmilik sambungan tersebut.

27. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda seksyen 170 Kanun untuk menjelaskan bahawa dalam hal hakmilik sambungan, dokumen hakmilik keluaran berkenaan dengan hakmilik strata boleh dikeluarkan mengikut Akta Hakmilik Strata 1985 selepas pengeluaran dokumen hakmilik daftaran sambungan.



Pindaan yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk menjelaskan bahawa hakmilik sambungan yang melibatkan hakmilik subsidiari di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 juga merangkumi Borang 4A, mengikut peruntukan seksyen 15 Akta tersebut yang dipinda melalui Akta A1450.

Pindaan yang dicadangkan ini seterusnya bertujuan untuk membolehkan Pendaftar mengendorskan butiran hakmilik sambungan dalam daftar strata yang berkenaan yang disimpan di pejabat beliau sekiranya ia melibatkan tanah dengan bangunan berbilang tingkat. Dalam hal ini, adalah memadai bagi Pendaftar untuk membuat catatan dalam Borang 2 dan Borang 3 dan dokumen daftaran dalam Borang 4 atau Borang 4A Jadual Pertama Akta Hakmilik Strata 1985, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk mencatatkan bahawa hakmilik induk telah disambung.

28. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda seksyen 175F untuk memperuntukkan bahawa dokumen hakmilik keluaran atau daftar strata yang dikeluarkan oleh Pendaftar dan Pentadbir Tanah di bawah seksyen ini hendaklah dibuat dalam borang yang bersesuaian di bawah Kanun dan Akta Hakmilik Strata 1985.

29. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda seksyen 183A yang dimasukkan ke dalam Kanun melalui Akta A1104 untuk memperuntukkan bahawa Pendaftar boleh, setelah kelulusan pecah sempadan, mendaftarkan hakmilik tetap tanpa perlu terlebih dahulu mengeluarkan hakmilik sementara walaupun permohonan pengeluaran hakmilik sementara telah dibuat, sekiranya ia adil dan suai manfaat untuk berbuat demikian.

30. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda seksyen 184A yang dimasukkan ke dalam Kanun melalui Akta A1104 untuk memperuntukkan bahawa Pendaftar boleh, setelah kelulusan pecah bahagian, mendaftarkan hakmilik tetap tanpa perlu terlebih dahulu mengeluarkan hakmilik sementara walaupun permohonan pengeluaran hakmilik sementara telah dibuat, sekiranya ia adil dan suai manfaat untuk berbuat demikian.

31. *Fasal 30* bertujuan untuk meminda seksyen 185A yang dimasukkan ke dalam Kanun melalui Akta A1104 untuk memperuntukkan bahawa Pendaftar boleh, setelah kelulusan penyatuan tanah, mendaftarkan hakmilik tetap tanpa perlu terlebih dahulu mengeluarkan hakmilik sementara walaupun permohonan pengeluaran hakmilik sementara telah dibuat, sekiranya ia adil dan suai manfaat untuk berbuat demikian.

32. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda seksyen 204B Kanun untuk memperuntukkan bahawa berhubung dengan tanah yang dipegang di bawah hakmilik sementara, permohonan serah balik dan berimilik semula hanya boleh dipertimbang sekiranya tanah itu telah diukur dengan sempurna dan, permohonan itu hendaklah disertakan juga dengan pelan terperinci yang diluluskan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan kecuali diarahkan sebaliknya oleh Pihak Berkuasa Negeri.

33. *Fasal 33* bertujuan untuk meminda seksyen 204D Kanun untuk menyelaraskan terma yang digunakan agar selari dengan peruntukan lain dalam Kanun.

34. *Fasal 34* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 204E(3A) ke dalam Kanun bagi membolehkan Pihak Berkuasa Negeri meluluskan pemberimilikan semula untuk sesuatu tempoh (tempoh pajakan) walaupun hakmilik asal dipegang selama-lamanya, apabila permohonan dikemukakan oleh tuan punya tanah (khususnya, tanah yang dipegang oleh Kerajaan Persekutuan yang terlibat dalam penswastaaan). Dengan mengambil kira keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Pengarah Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan lwn. Sri Lempah Enterprise Sdn Bhd [1979] 1 MLJ 135, Pihak Berkuasa Negeri boleh meluluskan pertukaran tempoh berkenaan hanya atas permohonan tuan punya tanah. Dalam keadaan yang hakmilik tanah dipegang untuk sesuatu tempoh, Pihak Berkuasa Negeri boleh meluluskan pemberimilikan semula bagi tempoh yang lebih panjang jika ia turut dipertimbangkan di bawah seksyen 90A. Pihak Berkuasa Negeri juga boleh menentukan tempoh pemegangan hakmilik yang diberi milik semula sekiranya terdapat perbezaan dalam tempoh pemegangan hakmilik asal, selagi tuan punya tanah tidak diberikan terma yang kurang menguntungkan daripada apa yang dinikmatinya ketika itu.

Pindaan yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk menyelaraskan istilah yang digunakan supaya selari dengan peruntukan lain dalam Kanun. Sebagai tambahan, pindaan ini juga bertujuan untuk menjelaskan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh memutuskan untuk memberi milik tanah Kerajaan yang bersebelahan dengan tanah yang dimiliki oleh pemohon itu.

35. *Fasal 35* bertujuan untuk meminda seksyen 204G Kanun untuk memperuntukkan bahawa memorial tentang perkembalian tanah kepada Negeri dalam dokumen hakmilik daftaran hendaklah dibuat hanya selepas bayaran penuh dijelaskan mengikut Borang 5A dan dokumen hakmilik keluaran hanya dimusnahkan selepas itu. Apabila seksyen 204GA terpakai, memorial perkembalian hanya boleh dibuat selepas semua gadaian, jika ada, dilepaskan.

36. *Fasal 36* bertujuan untuk meminda subseksyen 204GA Kanun untuk memperuntukkan bahawa penerimaan tuan punya terhadap kelulusan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri melibatkan hakmilik yang masih tertakluk kepada gadaian hendaklah termasuk kebenaran pemegang gadaian kepada pelepasan gadaian dan bagi gadaian baharu dibuat ke atas tanah pemberimilikan semula. Ini memberi gambaran bahawa kebenaran itu tidak diperlukan sekiranya pembayaran kepada pembiayaan yang dijamin oleh cagaran telah dibuat sepenuhnya sebelum kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, yang menjurus ke arah pelepasannya.

37. *Fasal 38* bertujuan untuk meminda seksyen 214A untuk memperuntukkan bahawa dokumen yang perlu dikemukakan bagi membolehkan Pendaftar mendaftarkan mana-mana pindah milik tanah ladang ialah kelulusan bertulis Pihak Berkuasa Negeri itu, dalam hal keadaan Pihak Berkuasa Negeri meluluskan rayuan terhadap keputusan Lembaga Tanah Ladang mengikut subseksyen 214A(9) Kanun.

*Fasal 38* juga bertujuan untuk meminda subseksyen 214A(10) dan (10A) Kanun untuk menaikkan penalti bagi kesalahan yang berhubung pindahmilik atau cubaan untuk memindahmilik tanah ladang bertentangan dengan peruntukan seksyen ini dan membolehkan hukuman yang dijatuhkan sama ada dalam bentuk pemenjaraan atau denda atau kedua-duanya.

38. *Fasal 39* bertujuan untuk meminda seksyen 241 Kanun untuk memperuntukkan bahawa institusi kewangan yang mematuhi prinsip Syariah boleh membuat gadaian bagi apa-apa bentuk transaksi atau perkiraan yang dibuat. Bagi maksud ini, institusi kewangan itu hendaklah institusi kewangan yang dilesenkan di bawah undang-undang yang berkaitan.

39. *Fasal 40* bertujuan untuk meminda seksyen 254 Kanun bagi memperuntukkan bahawa tempoh alternatif dalam Borang 16D hendaklah tidak kurang daripada satu bulan, supaya selari dengan peruntukan subseksyen 254(1) Kanun.

40. *Fasal 41* bertujuan untuk meminda seksyen 281 Kanun untuk membolehkan lien dibuat sebagai jaminan dan bukan semata-mata bagi tujuan pinjaman.

41. *Fasal 42* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 292A ke dalam Kanun untuk memperuntukkan bahawa Menteri, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, melalui perintah, boleh mengubah suai mana-mana peruntukan dalam Kanun untuk memudahkan pelaksanaan penerimaan perserahan secara elektronik. Perintah tersebut boleh merangkumi perkara seperti tindakan yang perlu dibuat oleh Pendaftar semasa pra pendaftaran dan pasca pendaftaran berkenaan perserahan dan borang yang digunakan (sebagai ganti borang-borang yang diperuntukkan dalam Jadual Pertama Kanun). Perintah tersebut juga boleh merangkumi perkara yang pada masa ini dibuat melalui peruntukan Jadual Kesepuluh Kanun.

42. *Fasal 44* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 305(2A) dan (2B) ke dalam Kanun untuk membolehkan pemulangan apa-apa dokumen selepas pendaftaran apa-apa surat cara urusan niaga yang dibuat melalui kutipan oleh orang atau badan yang berkenaan berdasarkan pemakluman yang diberikan dengan sewajarnya. Fi sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Negeri akan dikenakan sekiranya ia tidak dikutip dalam tempoh yang diberikan.

Pindaan yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk menjelaskan dalam hal keadaan yang mana hakmilik sambungan telah dikeluarkan berbangkit daripada penubuhan daerah baharu, kehendak berkenaan dengan endorsan mana-mana dokumen yang masih disimpan di daerah terdahulu hendaklah dibuat oleh Pendaftar di daerah yang terdahulu.

43. *Fasal 45* bertujuan untuk meminda subseksyen 323(2) Kanun untuk menjelaskan bahawa peruntukan yang berhubung dengan pengakusaksian surat cara urus niaga dalam seksyen 211 Kanun turut terpakai dalam hal keadaan kemasukan kaveat persendirian walaupun ia melibatkan bukan urus niaga. *Fasal* ini juga bertujuan untuk menghendaki pengkaveat meletakkan butiran alamat terkini tuan punya tanah dalam borang permohonan bagi memudahkan pihak Pendaftar untuk menyampaikan notis kepada tuan punya tanah. Pindaan yang berbangkit kepada Borang 19B dalam Jadual Pertama Kanun akan dibuat oleh Menteri atas syor Majlis Tanah Negara mengikut seksyen 9 Kanun.

44. *Fasal 46* bertujuan untuk meminda seksyen 324 Kanun bagi membolehkan penyampaian notis kemasukan kaveat persendirian kepada tuan punya tanah dibuat melalui pos biasa.

45. *Fasal 47 dan 50* masing-masing bertujuan untuk meminda subseksyen 325(1) dan 333(2) Kanun untuk menjelaskan bahawa peruntukan berhubung dengan pengakusaksian surat cara urus niaga dalam seksyen 211 Kanun turut terpakai dalam hal penarikan balik kaveat persendirian dan kaveat amanah walaupun ia melibatkan bukan urus niaga.

46. *Fasal 48* bertujuan untuk meminda seksyen 326 Kanun untuk membolehkan penyampaian notis yang bermaksud untuk memotong kaveat persendirian dibuat secara faksimili kepada pengkaveat.

47. *Fasal 49* bertujuan untuk meminda seksyen 330 Kanun untuk membolehkan kaveat dimasukkan melalui lien sebagai jaminan dan bukan semata-mata bagi tujuan pinjaman. Pindaan yang dicadangkan ini juga menjelaskan bahawa peruntukan pengakusaksian surat cara urus niaga dalam seksyen 211 Kanun turut terpakai dalam hal kaveat pemegang lien walaupun ia melibatkan bukan urus niaga.

48. *Fasal 53* bertujuan untuk meminda seksyen 377 Kanun untuk membolehkan penggunaan apa-apa sistem atau mekanisme lain yang tersedia pada satu-satu masa bagi pengesahan identiti pihak yang menyempurnakan atau mengemukakan penyerahan surat cara atau dokumen di Pejabat Pendaftar atau Pejabat Tanah.

49. *Fasal 54* bertujuan untuk meminda seksyen 378 Kanun untuk membolehkan apa-apa perubahan butiran seperti kewarganegaraan, nombor pasport atau apa-apa dokumen pengesahan diri direkodkan dalam dokumen hakmilik atau surat cara yang berhubung dengan tanah atau kepentingan tersebut.

50. *Fasal 55* bertujuan untuk meminda subseksyen 383(1) Kanun untuk membolehkan Pendaftar mengeluarkan salinan diperakui bagi dokumen lain, selain dokumen hakmilik daftaran atau surat cara urus niaga, misalnya daftara permohonan yang diluluskan iaitu dokumen yang disimpan di pejabat tanah berdasarkan peruntukan undang-undang tanah dahulu sebagaimana yang dinyatakan dalam proviso kepada subseksyen 81(3) Kanun.

51. *Fasal 56* bertujuan untuk meminda subseksyen 390(1) Kanun untuk menjelaskan bahawa permohonan hak lalu lalang persendirian boleh dibuat atas hakmilik Pejabat Pendaftar dan bukan sahaja hakmilik Pejabat Tanah. Pindaan ini juga untuk memperjelas bahawa pindaan terdahulu melalui Akta A587 yang seksyen 389 telah dipinda untuk membolehkan hak lalu lalang Pentadbir Tanah dibuat bukan sahaja atas tanah desa (hakmilik Pejabat Tanah sekiranya tidak melebihi empat (4) hektar mengikut seksyen 77(3) Kanun) malah boleh juga dibuat atas tanah bandar dan tanah pekan. Pindaan yang berbangkit kepada Borang 28A dalam Jadual Pertama Kanun akan dibuat oleh Menteri atas syor Majlis Tanah Negara menurut seksyen 9 Kanun.

52. *Fasal 57* bertujuan untuk meminda seksyen 396A Kanun untuk membolehkan Pendaftar membuat kemasukan dalam daftar strata, sebagaimana dijelaskan dalam seksyen 15 Akta Hakmilik Strata 1985, sama seperti kemasukan yang dibuat kepada dokumen hakmilik daftar hasil daripada pindaan kepada pelan ukur.

53. *Fasal 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 68, 69 dan 70* bertujuan untuk menaikkan dan menyelaraskan penalti bagi kesalahan masing-masing yang dinyatakan di bawah seksyen 400, 400A, 403, 422, 423, 424, 425, 425A, 426, 427, 428 dan 428A. *Fasal 61* juga bertujuan untuk membolehkan hukuman dijatuhkan sama ada dalam bentuk denda atau pemenjaraan atau kedua-duanya.

54. *Fasal 67* bertujuan untuk meminda seksyen 426A Kanun untuk memberi Pentadbir Tanah kuasa untuk menahan dan memeriksa mana-mana kenderaan bagi tujuan penguatkuasaan di bawah seksyen 426 Kanun. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 426A(6) ke dalam Kanun untuk memperuntukkan penalti atas keengganan mana-mana orang memberi kerjasama kepada mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang menjalankan kuasa di bawah seksyen 426A Kanun, apabila penalti yang dikenakan ialah denda tidak melebihi lima ribu ringgit dan pemenjaraan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

55. *Fasal 71* bertujuan untuk meminda seksyen 429A Kanun untuk menyeragamkan istilah yang digunakan supaya selari dengan peruntukan lain dalam Kanun.

56. *Fasal 72* bertujuan untuk meminda seksyen 429B Kanun untuk menyelaraskan peruntukan yang berhubungan dengan kompaun yang terdapat dalam undang-undang lain. Pindaan yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk menjelaskan bahawa kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Negeri, mengikut perenggan 14(1)(ja) Kanun.

57. *Fasal 73* bertujuan untuk meminda seksyen 431A Kanun untuk membolehkan Pentadbir Tanah menguruskan penyampaian melibatkan tuan punya tanah yang telah meninggal dunia, bukan setakat Pendaftar yang merujuk kepada Pendaftar Hakmilik bagi hakmilik pejabat pendaftar dan Pentadbir Tanah bagi hakmilik pejabat tanah. Oleh yang demikian, penyampaian ganti boleh dibuat tanpa perlu merujuk kepada Pendaftar Hakmilik terlebih dahulu, sekiranya ia melibatkan hakmilik pejabat pendaftar. Contohnya, penyampaian ganti bagi notis dalam Borang 6A, 7A dan 8A.

58. *Fasal 74* bertujuan untuk meminda seksyen 432 Kanun untuk membolehkan Pentadbir Tanah menguruskan penyampaian ganti, bukan setakat Pendaftar yang merujuk kepada Pendaftar Hakmilik bagi hakmilik pejabat pendaftar dan Pentadbir Tanah bagi hakmilik pejabat tanah. Oleh yang demikian, penyampaian ganti boleh terus dibuat tanpa perlu merujuk kepada Pendaftar Hakmilik terlebih dahulu, sekiranya ia melibatkan hakmilik pejabat pendaftar. Contohnya, penyampaian ganti bagi notis dalam Borang 6A, 7A dan 8A. Pindaan yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk menyelaraskan peruntukan yang berhubungan dengan penyampaian ganti dengan peruntukan yang berhubungan dengan penyiaran notis atau pemberitahuan.

59. *Fasal 75* bertujuan untuk meminda seksyen 433 Kanun untuk menyelaraskan peruntukan yang berhubungan dengan penyiaran notis atau pemberitahuan dengan peruntukan yang berhubungan dengan penyampaian ganti sebagaimana yang dipinda dalam *fasal 71*.

60. *Fasal 76* bertujuan untuk meminda seksyen 433A Kanun berkenaan dengan tafsiran peruntukan tertentu daripada undang-undang baharu yang berkenaan dengan syarikat.
61. *Fasal 77* bertujuan untuk meminda subseksyen 433B(1), (4) dan (5) Kanun untuk menjelaskan bahawa sekatan akan turut dikenakan ke atas tanah bagi kategori “perusahaan” atau tanah bagi maksud perusahaan, serupa dengan sekatan yang dikenakan ke atas tanah bagi kategori “pertanian” atau “bangunan” atau tanah yang digunakan bagi maksud pertanian dan bangunan.
62. *Fasal 78* bertujuan untuk meminda perenggan 433E(1)(a) Kanun berbangkit daripada pindaan ke atas seksyen 433B.
63. *Fasal 79* bertujuan untuk meminda seksyen 433H Kanun untuk menjelaskan bahawa perbadanan asing yang boleh memegang tanah hanyalah perbadanan yang ditubuhkan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan syarikat.
64. *Fasal 81* bertujuan untuk meminda seksyen 436A Kanun untuk menyeragamkan istilah yang digunakan supaya selari dengan peruntukan lain dalam Kanun.
65. *Fasal 82* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan.
66. Pindaan lain yang dicadangkan dalam Kanun yang tidak dihuraikan secara khusus adalah pindaan berbangkit atau kecil.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan pada masa ini.

[PN(U2)2986]